

Covid-19: 3 suntikan mRNA cukup bagi pastikan individu dilindungi dengan baik



PROFESOR OOI ENG EONG

PENDUDUK Singapura yang telah mendapatkan suntikan penggalak mRNA dilindungi dengan baik daripada Covid-19 teruk, termasuk varian terkini seperti Kraken.

Demikian kata pakar penyakit berjangkit, Sekolah Perubatan Duke-NUS, Profesor Ooi Eng Eong.

Inilah yang penting sekarang sedang Covid-19 sudah endemik – supaya orang ramai tidak sakit teruk atau mati akibat penyakit itu, katanya.

Antibodi peneutral, yang melindungi daripada jangkitan, tidak lagi penting dalam keadaan endemik, lebih-lebih lagi kerana ia berkurangan dalam beberapa bulan.

Vaksin memainkan peranan penting dalam mencegah penyakit teruk dan kematian kerana ia dapat mempersiapkan fungsi sistem imun lain.

“Ia juga berkesan dalam mengehadkan penyebaran jangkitan dalam badan kita,” kata Profesor Ooi.

Begitu juga vaksin, yang mempersiapkan semua mekanisme perlindungan badan.

Beliau menambah bahawa walaupun hanya 2.2 juta orang di sini disenaraikan secara rasmi sebagai telah dijangkiti, pakar menganggarkan bahawa sekitar 90 peratus daripada penduduk telah dijangkiti virus Sars-CoV-2, lapor *The Straits Times*.

Jika mereka telah divaksinasi, mereka akan mempunyai perlindungan hibrid, yang memberikan pertahanan yang lebih baik terhadap penyakit teruk berbanding perlindungan disebabkan vaksinasi atau jangkitan sahaja.

Beliau berkata: “Terdapat data yang mencukupi sekarang untuk yakin bahawa



PERLINDUNGAN PENTING:

Vaksin memainkan peranan yang besar dalam mencegah penyakit yang teruk dan kematian kerana ia akan meningkatkan fungsi lain sistem imun.
– Foto BH oleh NG SOR LUAN

pada mereka yang tidak terjejas oleh penyakit kronik atau ubat-ubatan, imuniti hibrid yang terhasil melindungi dengan kuat daripada jangkitan gejala berikutnya, dan terutamanya Covid-19 yang teruk.”

Setakat ini, bagi dewasa yang sihat, satu suntikan penggalak iaitu tiga suntikan mRNA atau empat suntikan Sinovac memadai untuk melindungi daripada penyakit Covid-19 teruk termasuk varian baru, kata Profesor Ooi.

Inilah yang dikenali di Singapura sebagai perlindungan minimum – yang dimiliki 83 peratus mereka yang layak divaksinasi.

Walaupun varian baru yang muncul mungkin agak berbeza, mereka semua berkongsi lebih 90 peratus daripada protein virus, yang dikenali sistem imun.

Ia mungkin mengambil masa lebih lama untuk berbuat demikian, tetapi dalam individu normal yang sihat, badan akan bertindak balas untuk mencegah penyakit yang teruk.

“Bagi mereka, manfaat suntikan tambahan adalah sedikit kerana mereka sudah mempunyai perlindungan sangat baik,” tambahnya.

Walaupun bagaimanapun, individu yang berisiko tinggi mungkin perlu mengambil suntikan penggalak secara kerap kerana imuniti semula jadi mereka lebih rendah.

Ini termasuk warga emas, penghidap kencing manis yang tidak terkawal, pesakit barah yang menggunakan ubat tertentu dan pesakit pemindahan organ.

Bagi mereka, perlindungan terhadap jangkitan mungkin penting.